

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB


LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.11 HINGGA NO.68)

[SOALAN NO.2 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.50]

[SOALAN NO.7 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.26]

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 15.3.2018 (KHAMIS)

SOALAN : 11

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapa pelaksanaan menaik taraf jalan Ulu Skrang begitu lama tidak dilaksanakan sehingga ianya menjadi perbualan penduduk di kawasan tersebut yang menganggap ianya janji kosong oleh Kerajaan.

3

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kelewatan pelaksanaan projek ini adalah disebabkan perubahan skop asal daripada membina 29 buah jambatan, 17 culvert dan 16 buah pembentung kepada membina jambatan, culvert dan pembentung sahaja kerana JKR Sarawak melalui surat bertarikh 13 Jun 2017 telah memaklumkan peruntukan adalah tidak mencukupi.

Sehubungan dengan itu, permohonan Notice of Change (NOC) perubahan skop projek ini telah dipohon oleh KKLW dan telah diluluskan oleh EPU, JPM pada 11 Disember 2017 dengan jumlah peruntukan yang sama iaitu RM28.5 juta.

Projek Jalan Ulu Skrang, Lubok Antu, Sarawak (Fasa 2) ini sedang dalam peringkat pelantikan perunding oleh JKR Sarawak. JKR Sarawak menjangkakan bahawa projek ini sedia untuk ditender bagi pelantikan kontraktor pada September 2018.